

**Bonus bukan gula-gula pilihan raya**  
**Utusan Online**  
**December 26, 2011**  
**Oleh RAHANA MOHD. DAHARI**

TANAH MERAH 25 Dis. – Bonus insentif produktiviti kepada peneroka Felda yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bukanlah gula-gula bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Sebaliknya, Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad berkata, bonus tersebut berhak dinikmati peneroka sebagai galakan supaya lebih gigih mengusahakan kebun pada masa akan datang seterusnya menjual hasil kepada Felda.

“Bonus ini juga umpama durian runtuh berganda kepada masyarakat Felda kerana sebelum ini kerajaan menyalurkan bantuan persekolahan berjumlah RM100 kepada setiap pelajar dan juga Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebanyak RM500,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Ramah Mesra Bersama Pengerusi Felda di Felda Kemahang 3 di sini, semalam.

Hadir sama, isterinya, Puan Sri Bibi Sharliza Mohd. Khalid; Ketua UMNO Bahagian Tanah Merah, Datuk Ikmal Hisham Abdul Aziz dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Rancangan (JKKR) Gabungan Felda Wilayah Gua Musang, Ahmad Norsuki Harun.

Pada majlis tersebut, Mohd. Isa menyampaikan replika cek bonus insentif produktiviti peneroka bernilai RM2.933,200 kepada wakil peneroka Felda yang mewakili 11 tanah rancangan di wilayah Gua Musang.

Turut disampaikan replika cek bernilai RM20,000 kepada Jawatankuasa Gabungan Persatuan Wanita (GPW) dan Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM) untuk membeli periuk nasi elektrik dan kelengkapan sukan.

Mohd. Isa menambah, walaupun pihaknya sedia maklum apa jua pemberian inisiatif pihak kerajaan Pusat akan disalah tafsir sesetengah pihak terutama parti pembangkang, beliau berharap warga Felda bijak menilainya.

“Memang menjadi tabiat pembangkang mempengaruhi masyarakat Felda agar terkeliru dengan setiap pemberian kerajaan dan mereka bimbang dengan kebaikan yang diberikan apatah lagi sesuatu yang menggembirakan rakyat,” katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1226&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_04.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1226&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_04.htm)